

Tarikh Dibaca: 19 JANUARI 2024M | 07 Rajab 1445H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“ANCAMAN UNTUK YANG MELALAIKAN
SOLAT”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"ANCAMAN UNTUK YANG MELALAIKAN SOLAT"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَأَعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ

لِذِكْرِي ﴿١٤﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

¹ Taha : 14.

² ali-Imran : 102.



Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk
"ANCAMAN UNTUK YANG MELALAIKAN SOLAT."

Hadirin yang dirahmati Allah,

Islam dibina atas lima perkara utama dan mendirikan solat merupakan salah satu daripadanya. Kewajipan mendirikan solat terletak di atas bahu umat Islam yang *mukallaf* baik lelaki mahupun wanita yang perlu dilakukan dalam waktu yang telah ditetapkan. Banyak ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan umat Islam untuk mendirikan solat. Firman Allah SWT menerusi surah al-Nisa' ayat 103:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

"Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya."

Solat dapat membersihkan diri umat Islam daripada dosa-dosa kecil masa lalu kita. Dengan itu, solat yang didirikan secara istiqamah dalam semua keadaan akan membawa kita dekat dengan Allah SWT dan sentiasa berada dalam rahmat-Nya. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّلَاةُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ مَا
لَمْ تُغَشَّ الْكَبَائِرُ

"Solat lima waktu dan solat Jumaat ke solat Jumaat berikutnya menjadi penghapus dosa-dosa yang berlaku di antaranya selama mana tidak melakukan dosa besar."

(Riwayat Muslim).

Menjaga solat dan mendirikannya menjadikan hati kita suci dan bersih daripada sifat-sifat tercela (*mazmumah*). Solat yang dibuat bukan sekadar melepaskan kewajipan malah mampu menjadikan kita manusia yang menyelamatkan diri sendiri dan orang lain dengan melakukan kebaikan dan berakhlak mulia secara berterusan. Solat yang didirikan akan mencegah kita daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Hati kita juga akan menjadi tenang tenteram apabila kita mendirikan dan menjaga solat. Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'arij ayat 19 hingga 23:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ
الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut); apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah; dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut; kecuali orang-orang yang mengerjakan sembahyang, iaitu mereka yang tetap mengerjakan sembahyang".

Jangan kita menjadi sebahagian golongan yang mengambil mudah tentang mendirikan solat. Allah SWT memberikan ancaman dalam al-Quran, akan ada golongan yang mensia-siakan solat, lalu mereka hidup dengan mengikut rasa, nafsu syahwat dan melakukan maksiat, merekalah golongan yang akan diazab dengan dahsyat.

Firman Allah SWT dalam surah Maryam ayat 59:

﴿ فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ ۖ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴿٥٩﴾ ﴾



"Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam Neraka)."

Hadis daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اِحْفَظِ اللّٰهَ يَحْفَظْكَ اِحْفَظِ اللّٰهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ

"Jagalah Allah, nescaya Dia akan menjagamu, jagalah Allah, nescaya engkau akan mendapati-Nya di hadapanmu."

(Riwayat al-Tirmizi).

Menjaga Allah itu adalah dengan mendirikan solat dan melaksanakan arahan dan meninggalkan larangan-Nya. Jika kita menjaga Allah, Allah menjaga kita dengan memakaikan kemuliaan agamanya dan memelihara kemuliaan kehidupan kita di dunia dan di akhirat kelak.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Masih ramai umat Islam yang meninggalkan solat sedangkan Allah SWT memberi ancaman yang keras kepada hamba-hamba-Nya yang melalaikan ibadah solat secara sengaja walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Firman Allah SWT dalam surah al-Muddaththir ayat 42 dan 43:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

"(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka?" Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang".

Hadis daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhu katanya, bahawa Rasulullah SAW bersabda:



مَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ لَقِيَ اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَبَانُ

"Sesiapa yang meninggalkan solat, maka dia bertemu Allah dalam keadaan dimurkai oleh Allah SWT."

(Riwayat al-Bazzar dan at-Tabarani).

Dinyatakan dalam Kitab Fiqh al-Islam wa Adillatuh, Profesor Doktor Wahbah Al-Zuhaili mengatakan bahawa seseorang yang meninggalkan solat kerana mengingkari kefarduannya adalah murtad. Manakala mereka yang tidak solat kerana malas (تَكَاسُلٌ) dan tidak peduli (تَهَاؤُنٌ) hukumnya fasik dan melakukan maksiat.

Manakala dalam Kitab al-Solah, Ibnu Qayyim Al-Jauziyah menjelaskan bahawa meninggalkan solat lima waktu dengan sengaja tergolong ke dalam dosa yang paling besar dan lebih besar dosanya daripada membunuh, merampas harta orang lain, berzina, mencuri, dan minum minuman keras.

Rasulullah SAW turut membuat perbandingan di antara orang yang beriman dengan yang kufur sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah Radhiallahuanhuma, Baginda bersabda:

بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرَكَ الصَّلَاةَ

"Beza di antara seseorang (yang beriman) dengan yang syirik dan kufur adalah meninggalkan solat."

(Riwayat Muslim).

Seseorang boleh dihukumkan kafir sekiranya dia menafikan kewajipan solat. Mereka yang terlupa atau sengaja melalaikan ibadah solat dalam waktunya, wajiblah ia menggantikannya dengan segera dalam waktu yang lain. Hukumnya berdosa dan wajib segera bertaubat bagi mereka yang sengaja melalaikannya.



Oleh itu, marilah kita tanamkan tekad dalam diri dan menyeru ahli keluarga kita untuk terus bersama-sama istiqamah mendirikan solat fardu lima waktu. Berusaha untuk melakukan solat secara berjemaah di masjid atau surau. Sempurnakan solat kita dengan melakukan solat-solat sunat seperti solat sunat qabliyyah dan ba'diyyah.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah, marilah kita semua mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa arahan untuk mendirikan solat fardu lima waktu datangnya daripada Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah sedar bahawa azab seksa yang pedih akan ditimpakan ke atas mereka yang melalaikan ibadah solat.
3. Umat Islam hendaklah yakin dengan janji dan jaminan rezeki daripada Allah SWT kepada mereka yang menjaga solat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَمْرٌ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَأَصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ

وَالْعَقِبَةُ لِلتَّقْوَى ﴿١٣٢﴾

“Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”

(Surah Taha : 132).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan kita supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Umat Islam dinasihatkan terus berhati-hati dan menjaga keselamatan diri, persekitaran dengan mematuhi SOP ditetapkan bagi mengelak penularan.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْتِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ
انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي
فَلَسْطِينَ.

Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
وَبِالإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.